



MEDIA STATEMENT

1 September 2016

PENGISYTIHARAN AWAL BULAN ZULHIJJAH 1437H/2016M BAGI NEGARA SINGAPURA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ وَحَمْدُهُ وَصَلَوَاتُ وَتَحِیَّاتُ

Muslimin Muslimat Singapura

Assalamualaikum Wr Wb.

Mengikut kiraan hisab, berdasarkan kriteria imkanur rukyah yang telah dipersetujui oleh negara-negara anggota MABIMS, awal bulan tidak mungkin dapat dilihat di atas ufuk Singapura setelah terbenam matahari petang tadi. Ini bererti esok adalah hari pencukup bulan Zulkaedah 30 hari.

Oleh yang demikian sukacita saya mengisytiharkan bahawa awal bulan Zulhijjah 1437H jatuh pada lusa, **Sabtu bersamaan 3hb September 2016**. Ini bermakna Hari Raya Aidiladha 10hb Zulhijjah 1437H, jatuh pada hari **Isnin bersamaan 12hb September 2016**.

Saya mengucapkan selamat beribadah dalam bulan Zulhijjah ini dan selamat menyambut Eidul Adha. Semoga Allah menerima segala amal bakti kita.

Sekian. Wassalamualaikum Wr Wb.

DR MOHAMED FATRIS BAKARAM
MUFTI NEGARA SINGAPURA